

CNSJ084

R GB 10-11 00184 BB673

Bah

PERANAN WARGA TUAMASIH PENTING (Embargo : Untuk siaran selepas 10 malam ini)

Mahathir - Keluarga

KUALALUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Sumbangan warga tua masih penting khususnya membimbing generasi muda ke arah kesinambungan nilai dan budaya ketimuran dalam negara menuju ke arah kemajuan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

+Orang tua adalah sumber pengetahuan dan pengalaman yang kaya dalam mewujudkan suasana keharmonian hidup berkeluarga, dan sehubungan itu kanak-kanak perlu dididik supaya menghormati mereka, katanya.

Dalam perutusannya menerusi Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) sempena perayaan Hari Keluarga Kebangsaan 1991, beliau berkata setiap keluarga perlu mencapai tahap keibu-bapaan yang optimum dengan keupayaan untuk mewujudkan suasana yang menggalakkan sebagai sebuah keluarga yang sejahtera.

Dengan adanya suasana sedemikian, semua individu dalam keluarga dapat mencapai potensi yang tinggi untuk menjadi lebih produktif dengan keseimbangan dari segi rohani dan jasmani, **tambahnya**.

Sehubungan itu, katanya, ibu-bapa perlu mempelajari teknik-teknik bagi menangani situasi dan masalah yang dihadapi oleh anak-anak mereka, selain daripada mengetahui strategi komunikasi yang dapat menjalin hubungan lebih rapat dengan anak-anak mereka. -- Lagi

♥10/11/20-52MST

R GB 10-11 00144 BB674

Bah

Mahathir - Keluarga 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata sistem keluarga sebagai institusi asas masyarakat perlu dikekalkan dan diperkukuhkan kerana keluarga ialah penerima dan penyumbang kepada pembangunan negara.

+Kekuatan dan keutuhan sesuatu keluarga dapat mempengaruhi dan menjamin kestabilan sesuatu masyarakat, katanya.

Beliau berkata institusi keluarga negara ini dijangka bertambah daripada 3.2 juta tahun lepas kepada 4.2 juta pada tahun 2000, dan 6.7 juta pada tahun 2020.

Dengan pertambahan itu, satu sistem keluarga yang kuat, mantap dan sihat amat diperlukan bagi melahirkan anak-anak, yang bersikap bertanggungjawab dan menjadi warganegara yang berguna, katanya.

Tambahnya, kajian perlu dibuat mengenai peranan institusi keluarga yang akan membawa negara ke satu tahap kemajuan yang lebih mencabar, terutamanya sekali bagi membendung fenomena sosial, yang menjadi ciri negara maju daripada menular ke dalam masyarakat. -- Bernama

♥10/11/20-54MST